



6 Disember 2012  
6 December 2012  
P.U. (A) 435

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH (REPUBLIK KOREA) 2012

### *MUTUAL ASSISTANCE IN CRIMINAL MATTERS (REPUBLIC OF KOREA) ORDER 2012*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

**AKTA BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH 2002**

**PERINTAH BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH  
(REPUBLIK KOREA) 2012**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 17(1) Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 [*Akta 621*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah (Republik Korea) 2012**.  
  
(2) Perintah ini mula berkuat kuasa mengikut Perkara 24(1) Triti.

**Tafsiran**

2. Dalam Perintah ini, “Triti” ertiannya Triti antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Korea mengenai Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah yang ditandatangani di Putrajaya, Malaysia pada 10 Disember 2010 yang di bawahnya Republik Korea telah bersetuju untuk memberikan bantuan dalam perkara jenayah kepada Malaysia.

**Pengisytiharan Negara asing yang ditetapkan**

3. Republik Korea diisythiharkan sebagai Negara asing yang ditetapkan bagi maksud Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002.

**Pemakaian Akta kepada Republik Korea**

4. Bagi maksud Triti, Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 hendaklah terpakai berhubung dengan Republik Korea.

**Kemasukan Triti dalam Perintah**

5. Terma-terma Triti dinyatakan dalam Jadual dan menjadi sebahagian daripada Perintah ini.

**JADUAL**  
[Perenggan 5]

**TRITI ANTARA KERAJAAN MALAYSIA  
DENGAN KERAJAAN REPUBLIK KOREA  
MENGENAI BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH**

Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Korea (kemudian daripada ini disebut secara sendirian sebagai “Pihak” dan secara kolektif sebagai “Pihak-Pihak”),

Berhasrat untuk meningkatkan keberkesanan pihak berkuasa penguatkuasaan undang-undang Pihak-Pihak dalam pencegahan, penyiasatan dan pendakwaan kesalahan melalui kerjasama dan bantuan bersama dalam perkara jenayah;

Telah bersetuju seperti yang berikut:

**PERKARA 1**  
Ruang Lingkup Bantuan

1. Pihak-Pihak hendaklah, mengikut Triti ini dan selaras dengan undang-undang domestik masing-masing, memberikan kepada satu sama lain bantuan bersama yang seluas mungkin berkaitan dengan penyiasatan, pendakwaan dan prosiding dalam perkara jenayah yang ke atasnya Pihak yang Meminta mempunyai bidang kuasa pada masa bantuan itu diminta.
2. Perkara jenayah hendaklah juga termasuk perkara-perkara yang berkaitan dengan kesalahan terhadap undang-undang yang berhubungan dengan pencukaian, duti kastam, kawalan pertukaran asing, atau apa-apa perkara hasil lain.
3. Bantuan sedemikian hendaklah terdiri daripada:
  - (a) mengambil keterangan atau pernyataan daripada seseorang;

- (b) memperoleh pernyataan sukarela seseorang;
- (c) membekalkan dokumen dan rekod yang berkaitan, termasuk rekod bank, kewangan, korporat atau perniagaan;
- (d) membuat perkiraan untuk orang memberikan keterangan atau membantu dalam penyiasatan jenayah di Negara yang Meminta, termasuk pemindahan orang dalam jagaan;
- (e) melaksanakan penyampaian dokumen kehakiman dan dokumen berkaitan;
- (f) melaksanakan permintaan bagi penggeledahan dan penyitaan;
- (g) memeriksa benda dan tempat;
- (h) mengenal pasti, mengesan, mencari, menyekat urusan dalam, dan melucuthakkan peralatan yang digunakan dalam pelakuan sesuatu kesalahan, hasil jenayah, harta dan faedah lain yang diperoleh daripada hasil jenayah;
- (i) apa-apa bentuk bantuan lain yang bersesuaian dengan tujuan Triti ini dan tidak dilarang oleh undang-undang Negara yang Diminta.

4. Bantuan tidak termasuk:

- (a) penangkapan atau penahanan mana-mana orang dengan tujuan untuk mengekstradisi orang itu;
- (b) penguatkuasaan penghakiman jenayah yang dikenakan di Negara yang Meminta di Negara yang Diminta kecuali setakat yang dibenarkan oleh undang-undang Negara yang Diminta dan Triti ini;

- (c) pemindahan orang dalam jagaan untuk menjalani hukuman;
  - (d) pemindahan prosiding dalam perkara jenayah.
5. Triti ini tidak memberi kuasa kepada mana-mana Pihak untuk mengusahakan, di dalam wilayah Pihak yang satu lagi, pelaksanaan bidang kuasa atau pelaksanaan fungsi yang diletakkan dalam ruang lingkup eksklusif pihak berkuasa Pihak yang satu lagi oleh undang-undangnya.
  6. Triti ini terpakai semata-mata kepada pemberian bantuan bersama dalam perkara jenayah antara Pihak-Pihak. Peruntukan Triti ini tidak mewujudkan apa-apa hak bagi pihak mana-mana orang persendirian untuk memperoleh, menyekat, atau menghalang kemasukan apa-apa keterangan atau untuk menghalang pelaksanaan sesuatu permintaan untuk bantuan menurut Triti ini.

## PERKARA 2

### Pihak Berkuasa Pusat

1. Pihak Berkuasa Pusat bagi Republik Korea ialah Menteri bagi Keadilan atau pegawai yang ditetapkan oleh Menteri. Pihak Berkuasa Pusat bagi Malaysia ialah Peguam Negara atau pegawai yang ditetapkan oleh Peguam Negara.
2. Setiap Pihak hendaklah dengan secepat mungkin memberitahu Pihak yang satu lagi mengenai apa-apa perubahan dalam penetapan Pihak Berkuasa Pusatnya.
3. Permintaan untuk bantuan hendaklah dihantar melalui saluran diplomatik.
4. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 3, Pihak Berkuasa Pusat hendaklah berhubung secara langsung dengan satu sama lain, tetapi boleh, jika mereka memilih sedemikian, berhubung melalui saluran diplomatik.

**PERKARA 3**  
**Penolakan Bantuan**

1. Penolakan sesuatu permintaan untuk bantuan di bawah Triti ini hendaklah dilaksanakan selaras dengan undang-undang domestik Pihak-Pihak masing-masing dan alasan penolakan hendaklah termasuk seperti yang berikut:
  - (a) permintaan itu berhubung dengan suatu kesalahan yang bersifat politik;
  - (b) permintaan itu berkaitan suatu kesalahan di bawah undang-undang tentera yang, jika kesalahan itu telah berlaku di Negara yang Diminta, tidak akan menjadi suatu kesalahan di bawah undang-undang jenayah yang lazim di Negara yang Diminta;
  - (c) permintaan itu berhubung dengan penyiasatan, pendakwaan atau penghukuman seseorang bagi suatu kesalahan dalam hal apabila orang itu telah disabitkan atau dibebaskan secara muktamad oleh suatu mahkamah atau pihak berkuasa lain di Negara yang Diminta berkenaan dengan kesalahan yang sama;
  - (d) terdapat alasan substansial untuk mempercayai bahawa permintaan bagi bantuan itu telah dibuat bagi maksud untuk menyiasat, mendakwa atau menghukum atau selainnya menyebabkan prejudis kepada seseorang kerana ras, jantina, agama, kerakyatan, keturunan etnik atau pendapat politik orang itu;
  - (e) Pihak yang Diminta berpendapat bahawa permintaan itu akan menjelaskan kedaulatan, keselamatan, kepentingan negara, ketenteraman awam atau kepentingan awam lain yang penting bagi Negara yang Diminta;
  - (f) permintaan itu berhubung dengan suatu perbuatan atau peninggalan yang, jika perbuatan atau peninggalan itu telah berlaku di Negara yang

Diminta, tidak akan menjadi kesalahan terhadap undang-undang Negara yang Diminta;

- (g) permintaan itu berhubung dengan suatu kesalahan yang tidak boleh dihukum di bawah undang-undang Negara yang Diminta dengan pelucutan kebebasan selama satu tahun atau lebih, atau dengan penalti yang lebih berat.
2. Bantuan boleh ditolak jika Negara yang Diminta berpendapat pemberian bantuan yang dikehendaki boleh menjelaskan keselamatan mana-mana orang, sama ada orang itu berada di dalam atau di luar Negara yang Diminta.
  3. Bantuan tidak boleh ditolak semata-mata atas alasan kerahsiaan bank dan institusi kewangan yang seumpamanya atau bahawa kesalahan itu juga dianggap melibatkan perkara fiskal.
  4. Sebelum menolak sesuatu permintaan, Pihak yang Diminta hendaklah berunding dengan Pihak yang Meminta untuk menentukan sama ada bantuan boleh diberikan tertakluk kepada apa-apa syarat yang disifatkan perlu oleh Pihak yang Diminta. Jika Pihak yang Meminta menerima bantuan tertakluk kepada syarat-syarat itu, Pihak itu hendaklah mematuhi syarat-syarat itu.
  5. Jika Pihak yang Diminta menolak bantuan, Pihak yang Diminta hendaklah memaklumkan Pihak yang Meminta tentang alasan penolakan tersebut.

#### PERKARA 4

##### Bentuk Permintaan

Suatu permintaan bagi bantuan hendaklah dibuat secara bertulis. Dalam hal keadaan yang memerlukan tindakan segera Pihak yang Diminta boleh menerima suatu permintaan dalam bentuk yang lain, tetapi permintaan itu hendaklah disahkan secara bertulis dengan segera selepas itu.

**PERKARA 5**  
**Kandungan Permintaan**

1. Suatu permintaan hendaklah mengandungi yang berikut:
  - (a) nama pihak berkuasa yang berwibawa yang menjalankan penyiasatan, pendakwaan atau prosiding dalam perkara jenayah yang berhubungan dengan permintaan itu;
  - (b) tujuan permintaan dan perihalan mengenai permintaan yang dikehendaki;
  - (c) suatu perihalan mengenai kesalahan yang berhubungan dengan permintaan itu, termasuk penalti yang terpakai, dan suatu pernyataan mengenai undang-undang yang berkaitan;
  - (d) suatu perihalan mengenai fakta yang dikatakan membentuk kesalahan itu; dan
  - (e) suatu perihalan mengenai keterangan, maklumat atau bantuan lain yang dikehendaki.
2. Permintaan bagi bantuan hendaklah juga, setakat yang perlu, mengandungi maklumat yang berikut:
  - (a) identiti dan lokasi mana-mana orang yang daripadanya keterangan dikehendaki;
  - (b) suatu senarai soalan yang hendak ditanyakan kepada seorang saksi;
  - (c) maklumat mengenai identiti dan lokasi seseorang yang kepadanya penyampaian akan dibuat, hubungan orang itu dengan prosiding, dan cara penyampaian dikehendaki dibuat;

- (d) suatu perihalan yang mencukupi mengenai tempat atau orang yang hendak digeledah dan benda yang hendak disita;
  - (e) maklumat mengenai identiti dan tempat yang disyaki di mana orang yang hendak dicari berada;
  - (f) suatu perihalan mengenai harta, aset atau benda yang berhubungan dengannya permintaan itu, termasuk identiti dan lokasinya, dan apa-apa perintah mahkamah yang berhubungan dengan bantuan yang diminta dan suatu pernyataan yang berhubungan dengan kemuktamadan perintah itu;
  - (g) sebab-sebab dan butir-butir mengenai apa-apa tatacara atau kehendak tertentu yang Pihak yang Meminta mahu diikuti dalam melaksanakan permintaan itu;
  - (h) penetapan apa-apa had masa yang dalamnya pematuhan permintaan itu dikehendaki;
  - (i) apa-apa kehendak khas bagi kerahsiaan dan sebab-sebab baginya;
  - (j) apa-apa maklumat lain atau kehendak yang perlu untuk melaksanakan permintaan itu dengan sewajarnya.
3. Permintaan, dokumen sokongan dan komunikasi lain yang dibuat menurut Triti ini hendaklah dalam bahasa Inggeris dan boleh, jika perlu, disertakan dengan suatu terjemahan dalam bahasa rasmi Pihak yang Diminta.
4. Jika Pihak Berkuasa Pusat Negara yang Diminta mendapati bahawa maklumat yang terkandung dalam permintaan itu tidak mencukupi untuk membolehkan permintaan itu dilaksanakan, Pihak Berkuasa Pusat itu boleh meminta maklumat tambahan. Pihak yang Meminta hendaklah membekalkan apa-apa maklumat

tambahan yang didapati perlu oleh Pihak yang Diminta untuk membolehkan permintaan itu dipenuhi.

**PERKARA 6**  
**Pelaksanaan Permintaan**

1. Permintaan untuk bantuan hendaklah dilaksanakan dengan segera, mengikut undang-undang dan tatacara Negara yang Diminta dan, setakat yang tidak bertentangan dengan undang-undang dan tatacara itu, mengikut cara yang diminta oleh Pihak yang Meminta.
2. Pihak Berkuasa Pusat Negara yang Diminta hendaklah mewakili kepentingan Pihak yang Meminta atau boleh, jika diminta untuk berbuat demikian, membuat perkiraan lain bagi perwakilan Pihak yang Meminta di Negara yang Diminta dalam mana-mana prosiding yang berbangkit daripada suatu permintaan bagi bantuan.
3. Pihak Berkuasa Pusat Negara yang Diminta hendaklah memberikan respons dalam tempoh yang munasabah kepada pertanyaan daripada Pihak Berkuasa Pusat Negara yang Meminta berkenaan dengan kemajuan dalam pelaksanaan permintaan itu.
4. Bantuan boleh ditangguhkan oleh Pihak yang Diminta jika pelaksanaan permintaan itu akan mengganggu suatu penyiasatan, pendakwaan atau prosiding dalam perkara jenayah yang sedang berjalan di Negara yang Diminta.
5. Sebelum menangguhkan pelaksanaan sesuatu permintaan, Pihak yang Diminta hendaklah berunding dengan Pihak yang Meminta sama ada bantuan boleh diberikan tertakluk kepada apa-apa syarat yang didapati perlu oleh Pihak yang Diminta. Jika Pihak yang Meminta menerima bantuan tertakluk kepada syarat-syarat itu, Pihak itu hendaklah mematuhi syarat tersebut.

6. Jika Pihak yang Diminta menangguhkan bantuan, Pihak itu hendaklah memaklumkan Pihak yang Meminta tentang sebab-sebab penangguhan itu.

#### PERKARA 7

##### Pemulangan Bahan kepada Pihak yang Diminta

Pihak yang Meminta hendaklah, apabila diminta, memulangkan dokumen, rekod atau benda yang dibekalkan di bawah Triti ini apabila tidak lagi diperlukan untuk penyiasatan, pendakwaan atau prosiding yang berkenaan dengan perkara jenayah yang berkaitan.

#### PERKARA 8

##### Perlindungan Kerahsiaan dan Sekatan ke atas Penggunaan Keterangan dan Maklumat

1. Pihak yang Diminta hendaklah, apabila diminta dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undangnya, menggunakan usaha terbaiknya untuk menjaga kerahsiaan permintaan bagi bantuan itu, kandungannya dan dokumen sokongannya, hakikat pemberian bantuan itu dan apa-apa tindakan yang diambil menurut permintaan itu. Jika permintaan itu tidak dapat dilaksanakan tanpa melanggar kehendak kerahsiaan yang diminta dinyatakan dalam permintaan itu, Pihak yang Diminta hendaklah memberitahu Pihak yang Meminta sedemikian, yang kemudiannya hendaklah menentukan sama ada permintaan itu masih patut dilaksanakan.
2. Pihak Berkuasa Pusat Negara yang Diminta boleh meminta supaya maklumat atau keterangan yang dibekalkan di bawah Triti ini dirahsiakan atau digunakan hanya tertakluk kepada terma dan syarat yang ditentukan oleh Pihak itu, kecuali setakat yang maklumat dan keterangan itu diperlukan untuk penyiasatan, pendakwaan atau prosiding dalam perkara jenayah yang diperihalkan dalam permintaan itu.
3. Pihak yang Meminta tidak boleh, tanpa persetujuan Pihak yang Diminta dan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang dirasakan perlu oleh Pihak yang

Diminta, menggunakan atau memindahkan maklumat atau keterangan yang dibekalkan oleh Pihak yang Diminta untuk penyiasatan, pendakwaan atau prosiding dalam perkara jenayah selain yang dinyatakan dalam permintaan itu.

4. Walau apa pun perenggan 3, dalam keadaan yang pertuduhan dipinda, maklumat atau keterangan yang dibekalkan boleh, dengan persetujuan bertulis terdahulu Pihak yang Diminta, digunakan setakat kesalahan itu, sebagaimana yang dipertuduhkan, merupakan suatu kesalahan yang berkenaan dengannya bantuan bersama boleh diberikan di bawah Triti ini.

#### **PERKARA 9**

##### **Pengambilan Keterangan atau Pernyataan**

1. Jika suatu permintaan dibuat bagi maksud suatu penyiasatan, pendakwaan atau prosiding dalam perkara jenayah di Negara yang Meminta, Pihak yang Diminta hendaklah mengambil keterangan atau selainnya memperoleh pernyataan orang untuk dihantar ke Pihak yang Meminta.
2. Bagi maksud Triti ini, pengambilan keterangan hendaklah termasuk pengemukaan dokumen, rekod atau benda lain.
3. Atas permintaan Pihak yang Meminta, orang yang terlibat dalam prosiding yang berkenaan di Negara yang Meminta, wakilnya di sisi undang-undang dan wakil Pihak yang Meminta boleh, tertakluk kepada undang-undang dan tatacara Negara yang Diminta, hadir di prosiding, dan Pihak yang Diminta boleh membenarkan orang tertentu untuk mengemukakan soalan kepada Pihak Berkuasa Pusat untuk diajukan kepada orang yang daripadanya testimoni atau keterangan diambil.
4. Tiada apa-apa juga dalam Perkara ini boleh menghalang penggunaan hubungan video atau televisyen secara langsung atau kemudahan komunikasi lain yang sesuai mengikut undang-undang dan tatacara Pihak yang Diminta bagi maksud melaksanakan Perkara ini jika adalah suai manfaat untuk berbuat demikian.

5. Seseorang yang daripadanya keterangan hendak diambil di Negara yang Diminta di bawah Perkara ini boleh enggan memberikan keterangan jika sama ada:
  - (a) undang-undang Negara yang Diminta membenarkan atau menghendaki supaya orang itu tidak memberikan keterangan dalam hal keadaan yang seumpamanya dalam prosiding jenayah yang bermula di Negara yang Diminta; atau
  - (b) undang-undang Negara yang Meminta membenarkan atau menghendaki orang itu supaya tidak memberikan keterangan dalam hal keadaan yang seumpamanya dalam prosiding jenayah yang bermula di Negara yang Meminta.
6. Jika mana-mana orang menuntut bahawa terdapat hak atau obligasi untuk enggan memberikan keterangan di bawah undang-undang Negara yang Meminta, Pihak yang Meminta hendaklah, apabila diminta, membekalkan suatu perakuan kepada Pihak yang Diminta tentang kewujudan hak atau obligasi itu. Sekiranya tidak ada keterangan yang berlawanan, perakuan itu hendaklah membekalkan keterangan yang mencukupi tentang kewujudan hak atau obligasi itu.

#### PERKARA 10

##### Pemerolehan Pernyataan Sukarela

Pihak yang Diminta hendaklah, apabila diminta, menggunakan usaha terbaiknya untuk memperoleh pernyataan sukarela daripada seseorang bagi maksud sesuatu penyiasatan, pendakwaan atau prosiding dalam perkara jenayah untuk dihantar kepada Pihak yang Meminta.

## PERKARA 11

### Pembekalan Dokumen yang Tersedia Secara Awam dan Rekod Lain

1. Pihak yang Diminta hendaklah membekalkan kepada Pihak yang Meminta salinan rekod yang tersedia secara awam, termasuk dokumen atau maklumat dalam apa-apa bentuk, dalam milikan jabatan dan agensi kerajaan di Negara yang Diminta.
2. Pihak yang Diminta boleh, setakat yang dibenarkan oleh undang-undangnya, membekalkan kepada Pihak yang Meminta salinan apa-apa dokumen atau rekod rasmi, mengikut cara yang sama dan di bawah syarat sebagaimana yang dokumen atau rekod sedemikian dibekalkan kepada pihak berkuasa penguatkuasaan undang-undang dan kehakimannya sendiri. Pihak yang Diminta boleh menurut budi bicaranya menolak, secara keseluruhan atau sebahagiannya, suatu permintaan menurut perenggan ini.

## PERKARA 12

### Kehadiran Orang di Negara yang Meminta

1. Pihak yang Meminta boleh meminta bantuan Pihak yang Diminta dengan menjemput seseorang untuk membantu dalam apa-apa penyiasatan atau untuk memberi keterangan dalam apa-apa pendakwaan atau prosiding dalam perkara jenayah di Negara yang Meminta dan, jika orang itu bersetuju, membantu mengatur kehadiran orang itu.
2. Pihak yang Meminta hendaklah menyatakan takat yang perbelanjaan orang itu akan dibayar.
3. Jika seseorang diminta untuk hadir di Negara yang Meminta, permintaan untuk kehadiran itu hendaklah mengandungi maklumat mengenai perkara yang berikut:
  - (a) fi, elaun dan perbelanjaan, jika ada, yang orang itu berhak mendapat;

- (b) perkiraan bagi keselamatannya, jika ada, semasa perjalanan ke dan dari Negara yang Meminta dan semasa dia berada di Negara yang Meminta; dan
  - (c) perkiraan bagi penginapannya, jika ada, semasa dia berada di Negara yang Meminta.
4. Pihak yang Diminta hendaklah dengan segera memaklumkan Pihak yang Meminta tentang respons orang itu.

### PERKARA 13

#### Pemindahan Orang dalam Jagaan untuk Memberikan Keterangan

- 1. Seseorang dalam jagaan di Negara yang Diminta boleh, apabila diminta oleh Pihak yang Meminta, dipindahkan secara sementara kepada Negara yang Meminta untuk membantu dalam apa-apa penyiasatan atau untuk memberikan keterangan dalam apa-apa pendakwaan atau prosiding dalam perkara jenayah di Negara itu.
- 2. Pihak yang Diminta hendaklah memindahkan seseorang dalam jagaan kepada Negara yang Meminta jika:
  - (a) orang itu dengan sukarela bersetuju kepada pemindahan itu; dan
  - (b) Pihak yang Meminta bersetuju untuk mematuhi apa-apa syarat yang ditetapkan oleh Pihak yang Diminta berkaitan dengan jagaan atau keselamatan orang yang akan dipindahkan.
- 3. Jika Pihak yang Diminta menasihatkan Pihak yang Meminta bahawa orang yang dipindahkan itu tidak lagi dikehendaki ditahan dalam jagaan, orang itu hendaklah dibebaskan daripada jagaan dan dianggap sebagai seseorang yang dirujuk dalam Perkara 12 Triti ini.

4. Seseorang yang dipindahkan menurut suatu permintaan di bawah Perkara ini hendaklah dikembalikan kepada Negara yang Diminta selaras dengan perkiraan yang dipersetujui oleh Pihak yang Diminta dengan secepat yang dapat dilaksanakan selepas keterangan telah diberikan atau pada masa yang lebih awal apabila kehadiran seseorang itu tidak lagi diperlukan.
  
4. Tempoh orang itu berada di bawah jagaan Negara yang Meminta hendaklah diambil kira dalam mengira tempoh pemenjaraan atau tahanan orang itu di Negara yang Diminta.

#### PERKARA 14

##### Perjalanan Selamat

1. Tertakluk kepada perenggan 2 Perkara ini, jika seseorang berada di Negara yang Meminta menurut suatu permintaan yang dibuat di bawah Perkara 12 atau 13 Triti ini, semasa tempoh orang itu diperlukan untuk berada di Negara yang Meminta bagi maksud permintaan itu:
  - (a) orang itu tidak boleh dikenakan penyampaian proses berkenaan dengan perkara jenayah atau ditahan, didakwa, atau dihukum atau dikenakan apa-apa sekatan lain terhadap kebebasan diri di Negara yang Meminta bagi apa-apa kesalahan terhadap undang-undang Negara yang Meminta yang dikatakan telah dilakukan, atau yang telah dilakukan, sebelum orang itu berlepas dari Negara yang Diminta atau dikenakan apa-apa penyampaian proses yang lain semasa orang itu berada di Negara yang Meminta; dan
  
  - (b) orang itu tidak boleh, tanpa persetujuan orang itu, dikehendaki untuk membantu dalam apa-apa penyiasatan atau untuk memberikan keterangan dalam apa-apa pendakwaan atau prosiding dalam perkara jenayah di Negara yang Meminta selain perkara jenayah yang berhubungan dengan permintaan itu.

2. Perenggan 1 Perkara ini terhenti terpakai jika orang itu, yang bebas untuk pergi, tidak meninggalkan Negara yang Meminta dalam tempoh lima belas (15) hari setelah orang itu diberitahu secara rasmi bahawa kehadirannya tidak lagi dikehendaki atau, setelah meninggalkan Negara yang Meminta, telah kembali.
3. Seseorang yang tidak bersetuju untuk membantu dalam apa-apa penyiasatan atau memberikan keterangan menurut Perkara 12 atau 13 Triti ini tidak boleh oleh sebab itu dikenakan apa-apa penalti atau tindakan paksaan oleh mahkamah Negara yang Meminta atau Negara yang Diminta.
4. Seseorang yang bersetuju untuk memberikan keterangan menurut Perkara 12 atau 13 Triti ini tidak boleh didakwa berdasarkan testimoninya, kecuali bagi sumpah bohong atau penghinaan mahkamah.

#### PERKARA 15

##### Penggeledahan dan Penyitaan

1. Pihak yang Diminta hendaklah, apabila diminta dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undangnya, melaksanakan permintaan bagi penggeledahan, penyitaan dan penghantarserahan apa-apa dokumen, rekod atau benda kepada Pihak yang Meminta jika terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa dokumen, rekod atau benda itu berkaitan dengan suatu perkara jenayah bagi maksud keterangan dan jika permintaan itu termasuk maklumat yang menjustifikasi tindakan sedemikian di bawah undang-undang Negara yang Diminta.
2. Pihak Berkuasa Pusat Negara yang Diminta boleh menghendaki Pihak yang Meminta untuk bersetuju dengan terma dan syarat berkenaan dengan apa-apa dokumen, rekod atau benda yang disita yang mungkin dihantar serah kepada Pihak yang Meminta yang dirasakan perlu oleh Pihak yang Diminta untuk melindungi dokumen, rekod atau benda yang akan dipindahkan dan apa-apa kepentingan pihak ketiga dalam benda yang akan dipindahkan itu.

3. Pihak yang Diminta hendaklah membekalkan apa-apa maklumat sebagaimana yang dikehendaki oleh Pihak yang Meminta berkenaan dengan hasil apa-apa penggeledahan, tempat penyitaan, hal keadaan penyitaan dan jagaan selanjutnya apa-apa dokumen, rekod atau benda yang disita.

**PERKARA 16**  
**Penyampaian Dokumen**

1. Pihak yang Diminta hendaklah, tertakluk kepada undang-undangnya, menggunakan usaha terbaiknya untuk melaksanakan penyampaian apa-apa dokumen yang berkaitan dengan suatu penyiasatan, pendakwaan atau prosiding dalam perkara jenayah yang berbangkit di Negara yang Meminta yang dihantar kepadanya bagi maksud penyampaian oleh Pihak yang Meminta.
2. Pihak yang Meminta hendaklah menghantar apa-apa permintaan bagi penyampaian dokumen yang menghendaki sesuatu jawapan daripada atau kehadiran seseorang itu di Negara yang Meminta tidak lewat daripada empat puluh lima (45) hari sebelum tarikh yang padanya jawapan atau kehadiran itu dikehendaki. Dalam hal keadaan yang memerlukan tindakan segera, Pihak yang Diminta boleh mengetepikan kehendak ini.
3. Pihak yang Diminta hendaklah memajukan kepada Pihak yang Meminta bukti penyampaian dokumen itu. Jika penyampaian tidak dapat dilaksanakan, Pihak yang Meminta hendaklah dimaklumkan dengan sewajarnya dan dinyatakan mengenai sebabnya.

**PERKARA 17**  
**Bantuan dalam Prosiding Pelucuthakan**

1. Pihak yang Diminta hendaklah, atas permintaan, berusaha untuk mengenal pasti sama ada apa-apa peralatan atau hasil jenayah adalah terletak dalam bidang kuasanya dan hendaklah memberitahu Pihak yang Meminta mengenai hasil

siasatannya. Dalam membuat permintaan itu, Pihak yang Meminta hendaklah memberitahu Pihak yang Diminta mengenai asas bagi kepercayaannya bahawa peralatan atau hasil jenayah sedemikian terletak dalam bidang kuasanya.

2. Jika peralatan atau hasil jenayah yang disyaki dijumpai atau dipercayai berada di Negara yang Diminta, Pihak yang Diminta hendaklah mengambil apa-apa langkah yang dibenarkan oleh undang-undangnya untuk mencegah apa-apa urusan mengenai, pemindahan atau pelupusan, peralatan atau hasil jenayah yang disyaki itu, sementara menunggu suatu penentuan yang muktamad berkenaan dengan peralatan atau hasil jenayah itu oleh suatu mahkamah di Negara yang Meminta.
3. Pihak yang Diminta hendaklah menguruskan peralatan atau hasil jenayah yang dilucut hak menurut undang-undangnya. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undangnya, Pihak yang Diminta boleh memindahkan keseluruhan atau apa-apa bahagian peralatan atau hasil jenayah yang dilucut hak atau nilai daripadanya kepada Pihak yang Meminta berdasarkan apa-apa terma yang difikirkannya sesuai.
4. Dalam pemakaian Perkara ini, hak pihak ketiga yang *bona fide* hendaklah dihormati di bawah undang-undang Negara yang Diminta.
5. Dalam Triti ini, “hasil jenayah” termasuklah—
  - (a) apa-apa harta yang diperoleh atau dihasilkan, secara langsung atau tidak langsung, akibat pelakuan sesuatu kesalahan atau harta yang mewakili nilai yang sama dengan harta itu;
  - (b) faedah lain yang diperoleh akibat pelakuan sesuatu kesalahan;
  - (c) apa-apa jumlah lain yang dikenakan berdasarkan jumlah yang sama dengan faedah yang diterima daripada pelakuan sesuatu kesalahan.

**PERKARA 18**  
**Kesesuaian dengan Perkiraan Lain**

Tiada apa-apa jua dalam Triti ini boleh menghalang Pihak-Pihak daripada memberikan bantuan kepada satu sama lain menurut triti, perkiraan lain atau peruntukan undang-undang domestik masing-masing.

**PERKARA 19**  
**Pemerakuan dan Pengesahan**

Dokumen, rekod atau benda yang mengandungi maklumat yang berkaitan menyokong suatu permintaan bagi bantuan, dan dokumen, rekod atau benda yang dibekalkan itu mengandungi maklumat sebagai respons kepada dengan suatu permintaan hendaklah disahkan dalam cara yang ditetapkan dalam permintaan itu melainkan Pihak yang Meminta bersetuju sebaliknya.

**PERKARA 20**  
**Kos**

1. Pihak yang Diminta hendaklah menanggung segala perbelanjaan biasa bagi melaksanakan permintaan bagi bantuan itu kecuali bahawa Pihak yang Meminta hendaklah menanggung:
  - (a) fi peguam yang diambil atas permintaan Pihak yang Meminta;
  - (b) perbelanjaan dan fi pakar;
  - (c) kos penterjemahan, pentafsiran dan pentranskripsian;
  - (d) perbelanjaan yang berkaitan dengan pembawaan mana-mana orang ke atau dari wilayah Negara yang Diminta atas permintaan Pihak yang Meminta, dan fi, elaun dan/atau perbelanjaan yang kena dibayar kepada

orang itu semasa orang itu berada di Negara yang Meminta menurut suatu permintaan yang dibuat di bawah Perkara 12 atau 13 Triti ini; dan

- (e) perbelanjaan berkaitan dengan pembawaan pegawai penjaga atau pengiring.
- 2. Kos menggunakan hubungan video atau televisyen secara langsung atau kemudahan komunikasi lain yang bersesuaian hendaklah ditanggung oleh Pihak yang Meminta, melainkan jika Pihak-Pihak bersetuju selainnya bersama.
- 3. Jika semasa pelaksanaan permintaan itu adalah jelas bahawa pelaksanaan permintaan itu memerlukan perbelanjaan yang bersifat luar biasa atau besar untuk memenuhi permintaan itu, Pihak-Pihak hendaklah berunding antara satu sama lain untuk menentukan terma dan syarat yang di bawahnya pelaksanaan permintaan itu boleh diberikan.

**PERKARA 21**  
**Rundingan**

- 1. Bagi maksud menggalakkan penggunaan Triti ini yang paling berkesan, Pihak-Pihak hendaklah berunding, atas permintaan mana-mana Pihak, berkenaan pentafsiran, pemakaian atau pelaksanaan Triti ini sama ada secara am atau berhubung dengan sesuatu kes tertentu.
- 2. Pihak Berkuasa Pusat boleh memajukan apa-apa langkah praktikal yang perlu untuk memudahkan pelaksanaan Triti ini.

**PERKARA 22**  
**Pindaan**

- 1. Triti ini boleh diubah suai atau dipinda pada bila-bila masa melalui persetujuan bertulis bersama Pihak-Pihak. Ubah suaian atau pindaan sedemikian hendaklah

mula berkuat kuasa pada tarikh yang dipersetujui bersama oleh Pihak-Pihak dan hendaklah menjadi sebahagian daripada Triti ini.

2. Apa-apa ubah suaian atau pindaan tidaklah menjelaskan hak dan obligasi yang berbangkit daripada atau berdasarkan Triti ini sebelum atau sehingga tarikh ubah suaian atau pindaan itu mula berkuat kuasa.

#### PERKARA 23

##### Penyelesaian Pertikaian

Apa-apa perbezaan atau pertikaian antara Pihak-Pihak yang berbangkit daripada pentafsiran atau pelaksanaan peruntukan Triti ini hendaklah diselesaikan secara persahabatan melalui runding bicara atau perbincangan antara Pihak-Pihak melalui saluran diplomatik tanpa merujuk kepada mana-mana pihak ketiga atau tribunal antarabangsa.

#### PERKARA 24

##### Permulaan Kuat Kuasa dan Penamatan

1. Triti ini hendaklah mula berkuat kuasa tiga puluh (30) hari selepas tarikh Pihak-Pihak memberitahu satu sama lain secara bertulis bahawa kehendak mereka masing-masing bagi permulaan kuat kuasa Triti ini telah dipatuhi.
2. Triti ini hendaklah terpakai bagi permintaan yang dikemukakan selepas tarikh permulaan kuat kuasanya walau pun tindakan atau peninggalan yang membentuk kesalahan itu berlaku sebelum atau selepas tarikh itu.
3. Mana-mana Pihak boleh menamatkan Triti ini pada bila-bila masa dengan memberikan pemberitahuan secara bertulis melalui saluran diplomatik. Penamatan hendaklah berkuat kuasa enam (6) bulan selepas tarikh pemberitahuan itu diberikan.

4. Penamatan Triti ini tidak menjaskan penyempurnaan apa-apa permintaan yang dibuat menurut Triti ini sebelum atau sehingga tarikh penamatan itu.

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS, yang bertandatangan di bawah ini, yang diberi kuasa sewajarnya oleh Kerajaan mereka masing-masing telah menandatangani Triti ini.

DIBUAT dalam dua salinan di Putrajaya pada 10 hari bulan Disember 2010, dalam bahasa Melayu, Korea dan Inggeris, dengan setiap teks sama sahnya. Dalam hal apa-apa perbezaan dalam pentafsiran antara mana-mana teks itu, teks bahasa Inggeris hendaklah terpakai.

Bagi Kerajaan Malaysia

DATO' SRI ANIFAH AMAN  
*Menteri Luar Negeri Malaysia*

Bagi Kerajaan Republik Korea

KIM SUNG HWAN  
*Menteri Luar Negeri dan Perdagangan  
Republik Korea*

Dibuat 1 November 2012  
[JPN(R)152/185/29/33 Jld. 3; PN(PU2)628/VI]

DATO' SERI MOHAMED NAZRI TAN SRI ABDUL AZIZ  
*Menteri di Jabatan Perdana Menteri*

MUTUAL ASSISTANCE IN CRIMINAL MATTERS ACT 2002

MUTUAL ASSISTANCE IN CRIMINAL MATTERS (REPUBLIC OF KOREA) ORDER 2012

IN exercise of the powers conferred by subsection 17(1) of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 [Act 621], the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Mutual Assistance in Criminal Matters (Republic of Korea) Order 2012**.

(2) This Order comes into operation in accordance with Article 24(1) of the Treaty.

**Interpretation**

